



KENYATAAN MEDIA

LTAT ISYTIHAR DIVIDEN LEBIH TINGGI BERJUMLAH 3.5% BAGI TAHUN 2020

Saya dengan ini ingin mengumumkan bahawa Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mengisytiharkan peningkatan dividen kepada 3.5% bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (TK20), berbanding dengan 2.5% pada 2019.

Saya berpuas hati dengan keputusan yang dicapai oleh LTAT bagi tahun 2020, lebih-lebih lagi kerana ianya dicapai walau dengan persekitaran ekonomi yang mencabar berikutan pandemik COVID-19, yang menyebabkan pergolakan ekonomi serta turun naik pasaran pada 2020. LTAT turut terkesan dengan dividen lebih rendah yang diterima daripada syarikat-syarikat pelaburan bagi tahun tersebut.

Walau bagaimanapun, Tabung masih mampu mengisytiharkan peningkatan dividen bagi 2020, berikutan untung bersih yang lebih tinggi mencecah RM229 juta berbanding dengan RM92.8 juta pada 2019.

Saya dimaklumkan bahawa faktor utama yang menyumbang kepada keputusan LTAT yang lebih baik ini adalah kerana kejayaan pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi melalui Pelan Transformasi LTAT. Ini membolehkan Tabung untuk mencatatkan peningkatan keuntungan tertahan berjumlah RM287.5 juta selepas bayaran dividen berjumlah RM310.7 juta, berbanding dengan keuntungan tertahan berjumlah RM63.5 juta pada 2019.

Kerajaan sedar bahawa kebajikan barisan hadapan kita, terutamanya anggota Angkatan Tentera yang sedang berkhidmat, harus terus menjadi keutamaan. Oleh itu, kami berbesar hati untuk menyokong LTAT bagi memastikan peningkatan dividen bagi tahun tersebut.

Kementerian Pertahanan, bagi pihak semua anggota Angkatan Tentera yang menerima manfaat daripada pembayaran dividen amat menghargai sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia.

LTAT akan terus memperkasakan prospeknya melalui Pelan Transformasi yang sedang digiatkan, bertumpu kepada pengukuhan dan pengimbangan semula portfolio pelaburannya serta pada masa yang sama menambahbaik struktur organisasi, pengurusan risiko, amalan tadbir urus korporat serta pembangunan sumber manusia.

Tabung kini berada dalam tahun ketiga perjalanan transformasi ini, dimana 41 dan 53 inisiatif berjaya dilaksanakan masing-masing pada 2019 dan 2020. Tambahan sebanyak 77 inisiatif lagi akan dilaksanakan pada 2021, dengan matlamat untuk memperkukuh operasi dan prestasi kewangan Tabung serta anak-anak syarikatnya.

Saya juga sedia maklum bahawa Rangkakerja Perumpukan Aset Strategik LTAT telah diluluskan oleh Lembaga pada November 2020, dengan matlamat untuk memberi pulangan jangka panjang yang optimum dengan tahap risiko yang bersesuaian. Pada 2021, Tabung telah memulakan proses penstrukturan semula portfolio pelaburannya secara berperingkat, dengan fokus kepada instrumen pendapatan tetap serta mempertingkatkan pelaburan ekuiti awamnya.

Kami berharap LTAT akan melaksanakan usaha ini bagi kepentingan anggota Angkatan Tentera yang sedang berkhidmat yang telah berjuang dengan penuh keberanian demi melindungi Rakyat daripada pandemik COVID-19 sepanjang tempoh yang mencabar ini.

Sehingga 31 Disember 2020, Aset-aset LTAT di bawah Pengurusan berada pada RM9.6 bilion.

YB DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB

Menteri Kanan Pertahanan

11 Mei 2021